

TARIKH	SELASA, 23 DISEMBER 2025
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	JEPUN BINA LOJI NUKLEAR TERBESAR DUNIA DI NIIGATA
M/S	27
BIDANG	NUCLEAR ENERGY / NUCLEAR POWER PLANT, ENERGY
KATA KUNCI	REACTORS, NUCLEAR FACILITIES



LOJI kuasa nuklear Kashiwazaki Kariwa yang terletak di tepi laut di Kashiwazaki, wilayah Niigata, Jepun. FOTO REUTERS

Jepun bina loji nuklear terbesar dunia di Niigata

Niigata: Jepun bersedia mengambil langkah terakhir bagi memulakan semula loji kuasa nuklear terbesar di dunia, apabila wilayah Niigata mengadakan undian mengenai penyambungan semula operasi berkenaan.

Loji Kashiwazaki-Kariwa yang terletak kira-kira 220 kilometer (km) di barat laut Tokyo antara 54 reaktor yang ditutup selepas gempa bumi dan tsunami pada 2011 melumpuhkan loji Fukushima Daiichi.

Sejak tragedi itu, Jepun hanya menghidupkan semula 14 daripada 33 reaktor yang masih boleh beroperasi sebagai usaha mengurangkan pergantungan kepada bahan api fosil yang diimport.

sil yang diimport.

Loji Kashiwazaki-Kariwa bakal menjadi loji pertama dikendalikan oleh Tokyo Electric Power Co (TEPCO), syarikat sama yang mengendalikan loji Fukushima ketika bencana nuklear terburuk itu.

Jika diluluskan, TEPCO merancang untuk mengaktifkan semula reaktor pertama daripada tujuh reaktor yang terdapat di loji mega berkenaan pada 20 Januari depan.

Jurucakap TEPCO, Masakatsu Takata berkata, pihaknya tetap teguh dengan komitmen untuk tidak mengulangi kemalangan sedemikian dan memastikan keselamatan penduduk Niigata sentiasa terjamin.

DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S12), BPM 2-UNIT PERPUSTAKAAN, BPM
------------------------	--